



AKHLAK ORANG YANG BERPUASA

IMAM MUDA HAFIZ
MUSIM KETIGA
ASTRO OASIS

PUASA & AKHLAK

- Puasa antara ibadat yg mengandungi kehebatan & keagungan tersendiri. Setiap ibadat bertujuan mendidik jiwa & saksiah peribadi seorang muslim.
- Sebahagian dari objektif ibadat puasa ialah membentuk akhlak & menanam nilai-nilai murni pada diri seorang muslim. Kerana kesempurnaan iman bukan dari amalnya semata, tetapi diukur dengan akhlaknya jua.

OBJEKTIF PUASA

- Mendidik menjadi hamba yg patuh pada perintah & larangan
- Menanam sifat ikhlas dalam semua perbuatan
- Mendekatkan diri kepada Allah dalam semua urusan hidup
- Mengajar diri untuk melatih kehendak nafsu
- Membiasakan dengan amalan kebaikan
- Melatih diri menjauhi perkara yg buruk
- Membentuk & membina nilai akhlak yg terpuji

NILAI AKHLAK ORANG BERPUASA

- 1- **Taat & patuh** : orang berpuasa sentiasa berusaha mengerjakan segala perintah Allah dengan bersegera & berlumba tanpa menanggung kerana menyedari gandaan pahala di bulan ramadan. Meninggalkan segala perkara yg mengundang larangan Allah kerana ia boleh merosakkan pahala puasa mereka.
- 2- **Pemurah & perihatin** : orang berpuasa merasai kelaparan yg dirasai oleh orang miskin & susah. Mereka juga dituntut agar menaja orang berbuka puasa serta bersedekah bagi memperolehi ganjaran tambahan pahala seperti orang berpuasa itu.
- 3- **Amanah & tidak khianat** : puasa mengajar agar orang berpuasa beramanah dengan masa puasa & pahala puasa agar tidak berkurangan , disamping segala tuntutan ibadat sepanjang berpuasa
- 4- **Benar & tidak bohong** : orang berpuasa diperintahkan agar menjaga lidah dari berbohong, atau berdusta dan segala perkataan yg mengandungi dosa. Puasa mengajar erti bercakap benar pd diri
- 5- **Sabar & Tabah** : bersabar dengan ketaatan menahan lapar dahaga, dari berbuat dosa, dan atas ujian hidup
- 6- **Pemaaf & tidak bermusuhan** : sentiasa harap keampunan & sentiasa memberi kemaafan pd manusia
- 7- **Muraqabah (mengawasi diri)** : mengawal diri dengan merasakan sentiasa diperhatikan oleh Allah Taala atas segala yg dilakukan sekalipun berada ditempat yg tersembunyi atau bersendirian

NILAI AKHLAK ORANG BERPUASA

- 8- Cinta pada Allah & kebaikan
- 9- Syukur & merasa cukup (qana'ah)
- 10- Reda & lapang dada
- 11- Mujahadah
- 12- Taubat & sentiasa kembali
- 13- Tawakkal
- 14- Memberi manfaat & berkebakjikan
- 15- Kasih sayang & silaturrahim
- 16- Menjauhi perkara maksiat
- 17- Iffah diri & maruah

NILAI AKHLAK ORANG BERPUASA

- 18- Menahan marah
- 19- Tidak pentingkan diri atau tamak (membazir)
- 20- Ikhlas
- 21- Menjaga & memelihara masa